



Received: 2019-01-31

Accepted: 2020-07-28

Published: 2020-12-18

Original Article

## Sumbangan Ulamak berketurunan Jawa di Selangor dalam Perkembangan Islam Sebelum Merdeka

### *The contributions of Javanese scholars (Ulamak) in Selangor towards Islamic Expansion before Independence*

Aisyah Ab Rahim<sup>a\*</sup> & Mohd Roslan Mohd Nor<sup>a</sup><sup>a</sup>Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

\* Corresponding author, email m\_roslan@um.edu.my

#### ABSTRACT

This article studies the contribution of two scholars or ulamak in Selangor before the independence of Malaya. The two ulamak are Kiyai Muhammad Ali Qaribun and Kiyai Khalil Ibn Abu Ammar. Both ulamak are of Javanese descent who settled in Selangor and have made many contributions not only in Islamic preaching but also in various fields such as establishing the pondok educational institutions, serving the community as teachers, imams, kadis and producing books that has influenced and changed the socio-economic, educational, social and cultural backgrounds of Selangor. The objective of this study is to highlight the ulamak in Selangor as reference to the community and acknowledge their contributions to Selangor.

**Keywords:** Contribution, Ulamak, Java, Selangor, Islam.

#### Pendahuluan

Peranan dan sumbangan para ulama tidak hanya terbatas kepada dakwah dan seruan lisan semata-mata, tetapi dapat dilihat melalui penubuhan-penubuhan institusi pendidikan yang tidak formal iaitu bermula di rumah dan kemudiannya berkembang ke surau, masjid, pondok dan madrasah. Para ulama ketika itu merupakan antara golongan pendidik terawal yang memperkenalkan sistem pendidikan secara demokrasi<sup>1</sup> untuk masyarakat Melayu khususnya tanpa mengira status sosial, bersesuaian dengan objektif Islam dalam mewujudkan masyarakat berorientasikan ilmu pengetahuan. Sistem pengajian secara pondok mula bercambah di Kepulauan Melayu seperti Aceh, Jawa dan sebagainya pada abad ke-19 dan kemudian diadaptasi oleh Tanah Melayu.<sup>2</sup> Institusi pondok merupakan sistem pendidikan tradisional Islam secara persendirian yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa

<sup>1</sup> Siti Hawa Haji Salleh (1997), *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.11.

<sup>2</sup> Abdul Latif Abu Bakar (1985), *Warisan Dunia Melayu Teras Peradaban Malaysia*, Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Kuala Lumpur, hlm. 13.

Arab digunakan dalam peringkat tinggi.<sup>3</sup> Manakala hampir kesemua kitab-kitab yang digunakan dalam sesi pembelajaran adalah karya ulama mazhab Syafi'i.<sup>4</sup> Kehadiran institusi pendidikan secara pondok pada masa itu telah membawa sumbangan yang sangat besar dalam proses transmisi ilmu pengetahuan Islam, pemeliharaan tradisi Islam, menghasilkan calon-calon ulama dan membentuk serta mengembangkan masyarakat yang berpegang kepada agama.<sup>5</sup>

Pengaruh ulama tempatan dapat dilihat dengan jelas dalam tradisi penulisan di Nusantara seperti Tanah Melayu melalui penulisan kitab-kitab Jawi. Hasilnya golongan buta huruf di kalangan masyarakat Melayu telah berkurangan dengan pengenalan tulisan Jawi yang sebelumnya didominasi oleh tulisan-tulisan Hindu Sanskrit yang hanya eksklusif kepada golongan bangsawan Istana.<sup>6</sup> Para ulama dan pelajar pada masa itu menggunakan kitab Jawi tulisan tangan beserta kitab Arab dalam proses pembelajaran kerana keterbatasan teknologi percetakan.<sup>7</sup> Apabila teknologi percetakan mula berkembang di Tanah Melayu pada abad ke-19, banyak kitab-kitab Jawi karya ulama tempatan diedar secara meluas bukan sahaja kepada penduduk tempatan tetapi juga seluruh pelusuk dunia seperti Mekah, Bombay, Istanbul dan Kaherah.<sup>8</sup> Kini dianggarkan terdapat hampir 16,000 manuskrip Melayu bertulisan Jawi dalam simpanan pelbagai perpustakaan dan muzium di serata dunia dari Asia hingga ke Eropah.<sup>9</sup>

Para ulama tempatan turut menyumbang bakti kepada kesejahteraan komuniti dengan menyandang pelbagai jawatan sesuai dengan kelayakkan ilmu, ketokohan budi pekerti dan ketinggian akhlak yang menjadikan mereka dipercayai serta disanjung oleh segenap lapisan masyarakat. Mereka diberi kepercayaan dan dilantik menjadi imam, kadi, amil, mufti dan sebagainya. Ulama tempatan pada ketika itu memikul tanggungjawab ini tanpa mengharapkan balasan material, pangkat dan sanjungan, malah sebahagian besar menjalankan tugas-tugas tersebut secara ikhlas tanpa menerima sebarang bayaran. Peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh para ulama ini bukan sahaja membantu penyebaran dan pengukuhan agama Islam tetapi juga membawa kesan dan perubahan ke atas sosioekonomi, pendidikan dan sifat serta budaya sesebuah masyarakat.

Artikel ini memfokuskan kepada peranan dan sumbangan dua ulama tempatan yang berketurunan Jawa yang tersohor di Selangor iaitu Kiyai Muhammad Ali Qaribun dan Kiyai Khalil Ibn Abu A'mmar.

### **Kiyai Muhammad Ali Qaribun dan sumbangan beliau**

---

<sup>3</sup> Yegar, M. (2002), *Between Integration and Secession the Muslim Communities of The Southern Philippines, Southern Thailand and Western Burma*, Lanham, Maryland USA: Lexington Books.

<sup>4</sup> Che Omar Hj. Awang (1996), *The Methodology of Teaching in Islam: With Special Reference to the Traditional Educational Methods in Malaysia*, (tesis Ph.D. tidak diterbitkan), University of Edinburgh.

<sup>5</sup> Azyumardi Azra (1999), *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*, Jakarta: PT Logos.

<sup>6</sup> Siti Hawa Haji Salleh, *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm.11.

<sup>7</sup> Abdul Halim Ahmad (1982), *Pendidikan Islam di Kelantan*, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 2.

<sup>8</sup> Mohamad Rezuwan Othman (1994), *The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society 1880-1940*, (Tesis Ph.D tidak diterbitkan), University of Edinburgh, hlm.57.

<sup>9</sup> Ahmad Juhari (2008), *The Origin and Spread of The Jawi Script*, Sub-Regional Symposium on the Incorporation of the Languages of Asian Muslim Peoples into the Standardized Quranic Script, Kuala Lumpur, dibentangkan pada 5-7 November 2008, hlm.5.

Kiyai Muhammad Ali Qaribun merupakan seorang tokoh ulama berketurunan Jawa yang sangat masyhur dan dikenali ramai di Sijangkang, Selangor. Nama sebenar beliau ialah Kiyai Muhammad Ali bin Qaribun bin Suriyan al-Mentarami, berasal dari Bantul, Mataram (Jogyakarta), Indonesia. Beliau dilahirkan pada sekitar tahun 1858M/1279H. Susur galur beliau bertemu dengan Sunan Ampel iaitu salah seorang Wali Songo di Tanah Jawa. Keluarga beliau terdiri dari kalangan ulama yang berkhidmat di Karaton, Jogjakarta,<sup>10</sup> Ayah beliau, Qaribun bin Suriyan merupakan individu penting di Karaton Mataram pada sekitar tahun 1800-an. Dikatakan bahawa ayah beliau merupakan pengiring dan pelayang Sultan semasa adat istiadat di Istana Karaton. Makam ayah beliau, Kiyai Qaribun terletak di Bantul, Mataram (Jogyakarta) dan disemadikan beserta kerabatnya. Ibu Kiyai Haji Muhammad Ali pula adalah merupakan puteri kepada Sultan Mataram, dan berkahwin dengan ayah beliau (Qaribun) selepas Kiyai Qaribun diangkat menjadi pengiring dan juru payung Sultan. Kiyai Muhammad Ali Qaribun mendapat pendidikan awal di Tanah Jawa, Indonesia pada sekitar tahun 1868-1878M. Tiada rekod mahupun sumber lisan setakat ini mengenai di manakah beliau mendapat pendidikan awal sebelum ke Mekah. Walaubagaimanapun, ketika hayatnya beliau pernah menyebut beberapa buah pondok di Tanah Jawa yang masyhur iaitu Pesantren Termas di daerah Pacitan, Pesantren Lir Boyo Kediri di daerah Mojoroto Kotamaya, Pesantren Tebuireng di Jombang, Jawa Timur dan Pesantren Langitan di Tuban. Selain itu, ada juga pendapat yang berdasarkan sumber lisan masyarakat setempat yang mengenali beliau mengatakan bahawa beliau menuntut ilmu pendidikan di Tanah Jawa dan kemudian ke Mekah selama puluhan tahun dengan menaiki kapal layar sekitar tahun 1880-an. Ada juga yang mendakwa bahawa beliau berada di Mekah selama 15 tahun sebagai guru di sana. Beliau wafat pada 5 Jamadil Akhir 1374H bersamaan hari Jumaat, 28 Januari 1955 setelah hampir 40 tahun menabur bakti di negeri Selangor.<sup>11</sup>

#### **Mendirikan Masjid di Sijangkang**

Kiyai Haji Muhammad Ali mula berhijrah ke Sijangkang pada tahun 1917M dan beliau telah mengambil keputusan untuk menetap di situ. Beliau bersama-sama para penduduk di Sijangkang telah mendirikan sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Kiyai Haji Muhammad Ali Umar Sijangkang. Walau bagaimanapun masjid ini tidak dapat bertahan lama, masyarakat terdahulu telah merobohkan dan memusnahkan masjid tersebut. Disebabkan itu, kawasan tersebut telah dijadikan tempat perkuburan orang Islam di Sijangkang. Hanya terdapat sebuah tembok batu yang berasal dari masjid lama tersebut sahaja yang masih kekal sehingga kehari ini. Justeru itu, sebuah masjid baru telah dibina oleh Kiyai Ali yang di beri nama Masjid Kiyai Muhammad Ali dan telah dirasmikan oleh Sultan Selangor iaitu Sultan Hisyamuddin Syah pada 1921.<sup>12</sup>

Walaubagaimanapun masjid baru itu juga tidak dapat bertahan kerana masyarakat di Sijangkang ingin mendirikan masjid yang baru dan lebih luas bagi menampung jumlah jemaah yang meningkat. Namun demikian, ahli keluarga Kiyai Ali menentang dan meminta agar masjid Kiyai Ali dikekalkan dan dijadikan sebagai masjid warisan sejarah Selangor. Tetapi hasrat ini

---

<sup>10</sup> Lihat nota kaki Ahmad Shukri Ghazali, *Riwayat Hidup Kiyai Haji Muhammad Dahlan bin Hassan Minhaj: Qadhi, Imam dan Syekh Tarikah*, Prosiding Seminar Tokoh Ulama Selangor 2008, hlm. 101.

<sup>11</sup> Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelang, "Kiyai Muhammad Ali Qaribun: Pengasas Awal Pondok Di Selangor", Prosiding Seminar Tokoh Ulama Selangor 2008, disunting oleh Mohd. Khafidz Soroni, Zulkefli Aini dan Mohd. Faisal Mohamed (makalah, Seminar Tokoh Ulama Selangor, Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008), 64.

<sup>12</sup> Temubual bersama Tuan Haji Sani bin Haji Muhammad Amir, di rumahnya di Sijangkang pada 20hb Mei 2007. Beliau merupakan cucu kepada Kiyai Muhammad Ali bin Qaribun.

gagal dan sebuah masjid baru dibina dengan nama Masjid al-Ihsaniyah. Bukan atas nama pengasasnya iaitu Kiyai Muhammad Ali Qaribun tetapi atas nama anaknya iaitu Ihsan bin Muhammad Ali Qaribun.<sup>13</sup> Masjid ini juga dikenali sebagai Masjid Jamiul Ehsani, di Sijangkang, Kuala Langat dan masjid ini kekal hingga ke hari ini sehingga pernah dinobatkan sebagai juara kategori C (Masjid 30 tahun ke atas) dalam pertandingan masjid terbaik negeri Selangor 2015.<sup>14</sup>

Walaupun masjid asal yang di bina oleh Kiyai Ali Qaribun tidak dapat bertanan lama dan kekal ke hari ini tetapi sumbangan masjid beliau tidak harus dilupakan dalam sejarah. Hal ini kerana masjid beliau merupakan masjid yang pertama didirikan di Sijangkang dan memberi banyak sumbangan kepada masyarakat Islam pada masa itu. Selain dijadikan tempat solat, masjid itu juga menjadi tempat untuk masyarakat pada masa itu menimba ilmu pengetahuan seperti mengenal huruf-huruf Arab dan dan sekali gus mengenal Al-Quran dan Hadis yang diajar oleh Kiyai Ali Qaribun sendiri.

#### **Pengasas Sekolah Pondok Terawal di Sijangkang**

Kiyai Muhammad Ali Qaribun berpindah ke Selangor dan menetap di Sijangkang setelah mendapat sebidang tanah daripada sahabatnya. Beliau mula mengajar di masjid dengan bilangan murid yang sangat sedikit. Namun demikian, keadaan ini telah berubah dalam masa yang sangat singkat di mana muridnya telah bertambah sedikit demi sedikit sehinggalah jumlahnya menjadi ramai menyebabkan kesesakan di masjid dan keadaan menjadi kurang selesa. Justeru itu, Kiyai Ali telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah sekolah pondok secara bergotong-royong dengan penduduk setempat pada sekitar tahun 1917.<sup>15</sup> Menurut waris beliau, tapak pondok tersebut di bina atas sebidang tanah yang dihadiahkan kepada Kiyai Ali oleh sahabatnya yang pernah berkhidmat bersama-sama dengan Kiyai Ali sebagai tentera pada satu masa dahulu ketika berada di Johor. Satu per lima daripada kawasan tanah tersebut telah diwaqafkan oleh Kiyai Ali untuk di bina sekolah pondok. Apabila muridnya bertambah ramai iaitu sekitar 400 orang, maka beliau telah membina pondok-pondok kecil yang didirikan di kawasan masjid secara bergotong-royong. Segala kerja Kiyai Haji Muhammad Ali dibantu oleh adiknya iaitu Kiyai Abbas (Abdullah Kahfi)<sup>16</sup>. Bermula dengan tertubuhnya pondok ini maka muncullah pondok-pondok lain disekitar Klang, antaranya Pondok Masyhudi dan Pondok Kiyai Darda' (1937) di Sungai Pinang, Pondok Kiyai Haji Muhammad Khalil al-Jawi (1940), Pondok Kiyai Hairawi (1960) dan banyak lagi.<sup>17</sup>

Sejak pondok ini didirikan, penuntut Kiyai Muhammad Ali semakin ramai sehingga ada yang datang dari Johor, Perak, Melaka dan seluruh Tanah Melayu. Terdapat dua peringkat pengajaran di pondok ini iaitu pengajian asas dan pengajian khusus. Pengajian asas diajar kepada semua murid secara berkumpulan sehingga khatam atau tamat pengajian, manakala pengajian khusus pula hanya diajar kepada pelajar yang berminat untuk mendalami sesuatu ilmu itu dengan lebih luas dan mendalam. Kebanyakan murid-murid beliau tertarik dengan kewibawaan dan ketinggian ilmu beliau yang mengajar tanpa menggunakan kitab tetapi melalui hafalan. Kiyai Muhammad Ali mengajar menggunakan hampir 50 buah kitab. Sebahagian kitab diajar secara berkumpulan manakala sebahagian kitab lagi didengar oleh Kiyai Muhammad Ali melalui

---

<sup>13</sup> Temubual bersama Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelang, di Maahad Tahfiz Ghazali Siraj, Klang pada 26hb Setember 2015. Beliau merupakan cicit kepada Kiyai Muhammad Ali Qaribun dan seorang pentafsir dan penterjemah kepada kitab-kitab lama. Beliau juga sangat aktif dalam mengkaji ulama-ulama silam.

<sup>14</sup> Nasif, Rencana: Jejak ulamak, Harian Metro, 7 Jun 2016, 33.

<sup>15</sup> Sejarah Negeri Selangor, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor 2005, hlm.240.

<sup>16</sup> Lihat Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelang, "Kiyai Muhammad Ali Qaribun: Pengasas Awal Pondok Di Selangor", 67.

<sup>17</sup> Ibid.

pembacaan anak muridnya. Kitab-kitab peringkat tertinggi pula hanya diajar kepada murid-murid khas yang mahir sahaja. Di antara kitab yang digunakan semasa mengajar ialah *Safinatun Naja*, *Fathul Mu'in*, *Matan al-Jurumiyah*, *Mukhtasar Jiddan*, *Ihya 'Ulumuddin* dan *Khazinah al-Asrar* yang diperolehi dari Singapura dan Pulau Pinang.<sup>18</sup> Selain itu, beliau juga menggunakan kitab Tafsir Yasin, ilmu hikmah, Mujarobat dan sebagainya.

Masyarakat umum masih lagi bersikap skeptikal terhadap institusi pembelajaran pondok kerana beranggapan lulusan-lulusan sekolah pondok tidak mampu menempa kejayaan seperti lulusan institusi pendidikan secara konvensional. Tanggapan tersebut sebenarnya kurang tepat. Kajian telah membuktikan bahawa ramai individu-individu yang mempunyai latar belakang pendidikan pondok juga berjaya dan berjawatan tinggi. Pondok Kiyai Muhammad Ali telah diiktiraf sendiri oleh Sultan Selangor, Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Syah pada tahun 1925 sebagai salah sebuah pondok tertua di negeri Selangor dan melahirkan ramai generasi Melayu yang mahir berbahasa Arab dan Jawi.<sup>19</sup> Walaupun institusi pondok Kiyai Muhammad Ali Qaribun telah pupus selepas era Perang Dunia ke-2, namun ia telah banyak berjasa kepada ramai masyarakat khususnya Selangor dengan melahirkan ramai individu-individu berwibawa.

### **Kiyai Khalil Ibn Abu Ammar dan sumbangan beliau**

Nama sebenar Kiyai Khalil bin Abu Ammar ialah Ma'sum bin Muzayyin. Beliau dilahirkan dan berasal dari Lasem, Jawa Tengah, Indonesia. Setelah berhijrah dan menetap di Malaya, beliau lebih dikenali dengan nama Kiyai Khalil bin Abu' Ammar. Beliau menukar namanya kepada Muhammad Khalil kerana mengambil sempena nama dan tabarruk gurunya yang dikasihi iaitu Kiyai Khalil yang berasal dari Pulau Madura, Jawa Timur. Sementara bapa beliau juga turut menukar nama kepada Kiyai Abu' Ammar selepas menunaikan haji di Makkah al-Mukarramah.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Pesantren Rembang, kemudiannya menyambung pengajian beliau di Pesantren Pati dan akhir sekali di Tebu Ireng, Jombang di Jawa Timur. Ketika di Pondok Tebu Ireng, beliau telah berguru dengan Kiyai Hasyim Ashari<sup>20</sup> dan Kiyai Khalil Madhura<sup>21</sup>. Kiyai Khalil Madhura merupakan seorang yang sangat mahir dalam ilmu Nahu, Sorof, Balaghah, Fiqh dan pelbagai ilmu lain. Menurut Sheikh Mahmud al-Bukhari<sup>22</sup>, hasil pengajian beliau dengan Kiyai Khalil Madhura adalah faktor utama menjadikan Kiyai Khalil bin Abu Ammar seorang yang mahir dalam Ilmu Nahu Bahasa Arab sehingga beliau digelar sebagai Khalil Imran.<sup>23</sup>

---

<sup>18</sup> Ustaz Benu (merupakan salah seorang murid Kiyai Haji Muhammad Ali selama 4 tahun), temubual pada 14hb April 2007.

<sup>19</sup> Ahmad Shukri Ghazali, *Riwayat Hidup Kiyai Haji Muhammad Dahlan bin Hassan Minhaj: Qadhi, Imam dan Syeikh Tarikah*, hlm. 95.

<sup>20</sup> Kiyai Haji Mohammad Hasyim Ashari (10 April 1875-25 Julai 1947) merupakan pengasas Nadhatul Ulama pada tahun 1926, sebuah organisasi massa Islam terbesar di Indonesia. Beliau kemudiannya menubuhkan Pondok Tebu Ireng pada tahun 1899 yang berkembang menjadi pesantren terbesar di Jawa pada abad ke 20.

<sup>21</sup> Nama lengkap beliau ialah Kiyai Haji Muhammad Khalil bin Kiyai Haji Abdul Lathif bin Kiyai Hamim bin Kiyai Abdul Karim bin Kiyai Muharram bin Kiyai Asrar Karamah bin Kiyai Abdullah bin Sayid Sulaiman. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Kiyai Khalil Madhura/Bengkalan. Beliau merupakan keturunan Syarif Hidayatullah atau Sunan Gunung Jati, iaitu salah seorang daripada Sembilan Wali Songo.

<sup>22</sup> Sheikh Mahmud al-Bukhari merupakan seorang tokoh ulama terkenal di Selangor dan juga merupakan guru al-Quran. Beliau pernah melahirkan ramai tokoh-tokoh ulama di Selangor dan menjadi guru al-Quran kepada beberapa tokoh ulama seperti Tan Sri Hassan Azhari (Tokoh Maal Hijrah Negeri Selangor 2011), Tuan Haji Mohammad Shahar Sulaiman (Tokoh Maal Hijrah 1993) dan ramai lagi.

<sup>23</sup> Berdasarkan kenyataan oleh bekas muridnya, Datuk Hassan Azhari.

Kiyai Khalil hanya mengambil masa selama kira-kira tiga tahun sahaja untuk menamatkan pengajian beliau di Tebu Ireng, suatu pencapaian yang dianggap sebagai luar biasa. Selepas tamat pengajiannya, Kiyai Khalil masih meneruskan pengajian di pondok. Ketika di Pondok Tebu Ireng, Kiyai Khalil telah dilantik sebagai salah seorang kepala mutalaah atau ketua kumpulan kepada pelajar-pelajar di situ.<sup>24</sup> Ketika berusia 40-an, Kiyai Khalil telah berhijrah untuk melanjutkan pelajaran yang mana perjalanan beliau membawanya bermaustatin secara tetap di Kampung Batu 6 Bukit Naga, Klang, Selangor.<sup>25</sup>

Kiyai Khalil meninggal dunia ketika menunaikan haji di Mekah bersama-sama isteri dan anak perempuan beliau pada penghujung tahun 1978. Jasad beliau kemudiannya disembahyangkan di hadapan Ka'abah dan dikebumikan di Perkuburan Ma'la<sup>26</sup>.

### **Mendirikan Pondok Ribat al-Fuad, Klang, Selangor**

Beliau telah mendirikan pondok di kampung Batu 6 Bukit Naga, Klang yang diberi nama Ribat al-Fuad pada tahun 1940. Walaupun terpaksa belajar dengan hanya diterangi lampu gasoline dan pelita serta menggunakan air hujan dan kolam untuk minum, masak, mandi dan membasuh kerana kawasan tersebut yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan air, namun Pondok Ribat al-Fuad terus mendapat sambutan. Pada tahun 1950-an jumlah penuntut di pondok tersebut melebihi 100 orang. Majoriti penuntut di pondok tersebut terdiri daripada masyarakat Jawa dan datang dari seluruh daerah Selangor, Perak dan Johor.<sup>27</sup>

Antara kitab-kitab yang menjadi bahan pengajaran di Pondok Ribat al-Fuad termasuklah kitab-kitab Arab seperti nahu Alfiyyah Ibn Malik, Kawakib al-Durriyah, Fath al-Wahhab, Fath al-Mu'in, Qawa'id Fiqh, Ilmu Faraidh dan banyak lagi. Para penuntut sekolah pondok ini tidak dikenakan sebarang yuran pengajian. Walaupun pernah difitnah mengajar ajaran yang salah sehingga tidak mendapat tauliah mengajar pada kali pertama, namun Kiyai Khalil berjaya membuktikan ketinggian ilmunya dan dirinya berada di pihak benar setelah ditemuduga dan mendapat tauliah sebagai pendidik yang diiktiraf kerajaan negeri serta dilantik menjadi Mudir di Ma'ahad Hisyamuddin.<sup>28</sup>

### **Menjadi Mudir di Ma'ahad Hisyamuddin, Klang, Selangor**

Setelah membuat surat permohonan pertauliah mengajar kali kedua, Kiyai Khalil telah dijemput untuk ditemuduga di Maktabah yang terletak di Bandar Kelang. Sesi temuduga yang berjalan selama sehari suntuk itu telah membuktikan bahawa Kiyai Khalil merupakan seorang tokoh yang berilmu tinggi dalam pelbagai cabang ilmu yang membawa kepada pengiktirafan beliau sebagai tenaga pengajar oleh Kerajaan Negeri Selangor. Susulan daripada itu, Kiyai Khalil telah dijemput oleh Sheikh ul-Islam Negeri Selangor, Tengku Mahmud Zuhdi untuk menjadi Mudir di Ma'ahad Hisyamuddin yang terletak di Sungai Bertih, Klang, Selangor kerana kepakaran

---

<sup>24</sup> Temubual bersama Ustaz Mahfuz, anak kepada Kiyai Khalil di Sekolah Pondok beliau di Rawang pada 12 Oktober 2015 jam 2.30 petang.

<sup>25</sup> Berdasarkan kenyataan oleh bekas anak murid beliau, Ustaz Ahmad Muhit

<sup>26</sup> Mahfuz Muhammad al-Khalil, Kiyai Khalil Ibn Abu Ammar Dalam Lipatan Sejarah: Perkembangan Ilmu di Selangor Darul Ehsan, hlm. 141-147.

<sup>27</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Ulama Nusantara: Kiyai Khalil Abu Ammar Pakar Ilmu Arabiah di Selangor", dikemaskini 17 Disember 2008, dicapai 18 Januari 2014, <http://ulama-nusantara.blogspot.com/2008/12/kiai-khalil-abu-ammar-pakar-ilmu.html>.

<sup>28</sup> Mahfuz Muhammad al-Khalil, Kiyai Khalil Ibn Abu Ammar Dalam Lipatan Sejarah: Perkembangan Ilmu di Selangor Darul Ehsan, hlm. 141-147.

beliau dalam bidang nahu dan usul<sup>29</sup>. Kiyai Khalil terkenal dengan sikapnya yang tegas. Mana-mana anak muridnya yang cuai atau melakukan kesalahan akan dirotan, sama ada di dalam pejabatnya atau di perhimpunan. Ibu bapa memberikan sepenuh kepercayaan kepada guru dan ketaatan murid terhadap guru tiada berbelah bagi. Hasilnya para generasi muda berjaya dan Ma'ahad Hisyamuddin telah melahirkan ramai para ilmuan seperti Timbalan Mufti Selangor Datuk Majid, Ustaz Ahmad Muhit bin Yusuf, Datuk Hasan Azhari, Ustaz Soim, Datuk Ismail Kamus dan ramai lagi.<sup>30</sup>

### **Menghasilkan karya-karya penulisan agama**

Sepanjang hayatnya, Kiyai Khalil telah banyak menghasilkan karya-karya penulisan berbentuk kitab dan risalah. Kebanyakan karya-karya beliau tidak pernah dicetak dalam mana-mana versi atau diterbitkan kepada umum, kecuali beberapa kitab yang dicetak menggunakan mesin tangan bagi tujuan pembelajaran di Ma'ahad Hisyamuddin dan Pondok Ribat al-Fuad di Klang, Selangor. Antara hasil karya penulisan beliau adalah kitab Alfiah Ibnu Malik yang membincangkan ilmu Nahu Bahasa Arab dan telah diterjemahkan oleh Kiyai Khalil ke dalam Bahasa Jawa dan Al-Kulasah al-Saniyyah fi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah yang merupakan ringkasan kepada kitab al-Asybah wa al-Naza'ir yang dikarang oleh Imam Suyuti agar mudah difahami oleh pelajar-pelajar di peringkat permulaan. Kitab ini mengandungi pengesahan oleh Dato' Seri Utama Mufti Kerajaan Negeri Selangor dan Ustaz Ahmad Dahlan bin Haji Abd Manan. Terdapat versi cetak kitab ini di Ma'ahad Hisyamuddin. Selain itu beliau turut menghasilkan Ta'liq 'ala Matn al-Maqsud, Ta'liqat 'ala Natijah al-Miqat, Sullam al-Nawahidh ila 'Ilm al-Fara'idh, Tashil al-Sibyan ila Ma'rifah Tajwid al-Quran, Tasrih al-Tullah 'ala Minah al-Wahhab fi Qawa'id al-I'irab li al-Sheikh al-'Allamah Yusuf Ibn al-Sheikh Abd al-Qadir al-Barnawi, Tashil al-Turuqat ila Tashih Sa'at, Hawasyi Saghira Tuwaddhih al-Musykil min Mabanihi wa Taqrub al-Aqsa min Ma'anihi, Al-Fawa'id al-Jaliyyah fi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, Punika Terjemah Wahusan Sa'Lebete Salat Gangsal Waktu, Ta'liqah Naqiyyah 'ala Nukhbah al-Afadhil al-Azhariyyah, Ta'liq 'ala Nazm al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Musamma bi al-Fara'id al-Bahiyyah dan Waraqah Qalilah.

### **Sumbangan-sumbangan lain**

Selain menghabiskan masa di pondok Ribat al-Fuad dan Ma'ahad Hisyamuddin, Kiyai Khalil bin Abu Ammar juga bertanggungjawab sebagai imam dan juru nikah di Masjid Batu 6 Bukit Naga, Klang yang terletak berhampiran dengan rumah beliau.<sup>31</sup> Selain daripada itu, Kiyai Khalil turut menjadi pakar rujukan oleh Jabatan Agama Islam Selangor khususnya apabila melibatkan ajaran-ajaran yang menyimpang dengan aqidah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah seperti ajaran Ilmu Kelenik dan aliran Qadiyaniyyah. Kiyai Khalil turut menentang pandangan dan ajaran yang di bawa oleh Kaum Muda atau juga dikenali sebagai Muhammadiyyah yang menentang amalan-amalan bidaah seperti kenduri arwah, tahlil, talqin dan sebagainya. Beliau juga telah mendidik dan melahirkan ramai tokoh-tokoh ilmuan agama seperti Dato' Haji Abd Majid bin Omar<sup>32</sup>, Dato' Haji Hassan Azhari<sup>33</sup>, Dato' Ismail Kamus<sup>34</sup> dan ramai lagi.

---

<sup>29</sup> Ahmad Shukri Ghazali, *Riwayat Hidup Kiyai Haji Muhammad Dahlan bin Hassan Minhaj: Qadhi, Imam dan Syeikh Tarikah*, Prosiding Seminar Tokoh Ulama Selangor 2008, hlm 103.

<sup>30</sup> Ibid.

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> Dato' Haji Abdul Majid bin Omar merupakan Timbalan Mufti Negeri Selangor dan telah berkhidmat di Jabatan Mufti Selangor sejak tahun 1998. Beliau juga pernah berkhidmat di Jabatan Agama Islam

Beliau juga turut berkhidmat mengetuai penduduk kampung beliau untuk menjaga keselamatan kampung dan mengetuai penduduk kampung dengan berbagai amalan seperti membaca Yassin ketika Rusuhan Kaum 13 Mei.

### **Kesimpulan**

Sumbangan ulama-ulama terdahulu di Selangor sangat memberi kesan kepada generasi hari ini. Mereka mencurahkan segala ilmu kepada masyarakat tanpa meminta balasan atau bayaran, tanpa mengejar pangkat atau kepentingan. Usaha mereka di curah dengan penuh keikhlasan agar murid-muridnya menjadi manusia yang berguna dan berjaya dengan akhlak yang baik. Ketokohan mereka telah menarik minat ramai pelajar yang datang dari pelbagai pelosok negeri untuk menuntut ilmu. Ciri-ciri ini patut dicontohi oleh semua ahli-ahli akademik dan ilmuan agama millennial agar ilmu yang diajar itu dapat diterima dengan penuh keikhlasan oleh para pelajar dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka. Banyak ilmu yang kita pelajari dan mengajar tetapi tidak diamalkan dan dimanfaatkan kerana ilmu itu tidak difahami sebenarnya dan tidak dihargai. Setiap individu yang bergelar pendidik itu harus bijak dalam mengajar sesuatu ilmu dan mempunyai keperibadian yang baik dan luar biasa seperti guru-guru dan ulama'-ulama' zaman dahulu. Juga menjadi tanggungjawab para pelajar untuk terus mencari ilmu dan sentiasa ikhlas dalam menuntut ilmu bukan hanya untuk berjaya di dunia sahaja tetapi juga di akhirat. Sejarah pendidikan dan cabaran serta kepayahan hidup para tokoh ulama ini juga haruslah dicontohi dan dijadikan iktibar oleh semua pihak.

### **Rujukan**

- Abdul Halim Ahmad (1982), Pendidikan Islam di Kelantan, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Ahmad Juhari (2008), *The Origin and Spread of The Jawi Script*, Sub-Regional Symposium on the Incorporation of the Languages of Asian Muslim Peoples into the Standardized Quranic Script, Kuala Lumpur, dibentangkan pada 5-7 November 2008.
- Abdul Latif Abu Bakar (1985), *Warisan Dunia Melayu Teras Peradaban Malaysia*, Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Kuala Lumpur.
- Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi (2008) , "Kiyai Muhammad Ali Qaribun: Pengasas Awal Pondok Di Selangor", *Prosiding Seminar Tokoh Ulama Selangor 2008*, disunting oleh Mohd. Khafidz Soroni, Zulkefli Aini dan Mohd. Faisal Mohamed (Seminar Tokoh

---

Wilayah Persekutuan dan Jabatan Penuntut Malaysia di Kaherah Beliau pernah mendapat anugerah sebagai Tokoh Guru 2007.

<sup>33</sup> Dato' Haji Hassan Azhari merupakan tokoh dalam bidang al-Quran terutamanya ilmu tajwid. Antara anugerah-anugerah yang diterima beliau adalah Tokoh Guru Agama Islam Selangor 1989, Tokoh Maal Hijrah Wilayah 1990, Selangor 1991 dan kebangsaan 2002.

<sup>34</sup> Dato' Ustaz Ismail Kamus dilahirkan pada 2 Disember 1948, merupakan seorang ustaz, pendakwah dan pakar perubatan Islam. Beliau pernah menuntut di Ma'ahad Hisyamuddin, Klang sebelum melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor bersama Parti PAS. Setelah bersara dari politik, beliau telah mengasaskan dan menjadi pengamal perubatan Islam di Darussalam. Beliau telah mempelajari perubatan Islam daripada Prof. Datuk Dr. Harun Din. Beliau juga terpilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Selangor 2011.



Ulama Selangor, Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor).

Azyumardi Azra (1999), *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*, Jakarta: PT Logos.

Che Omar Hj. Awang (1996), *The Methodology of Teaching in Islam: With Special Reference to the Traditional Educational Methods in Malaysia*, (tesis Ph.D. tidak diterbitkan), University of Edinburgh.

Mahfuz Muhammad al-Khalil, *Kiyai Khalil Ibn Abu Ammar Dalam Lipatan Sejarah: Perkembangan Ilmu di Selangor Darul Ehsan*.

Mohamad Rezuan Othman (1994), *The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society 1880-1940*, (Tesis Ph.D tidak diterbitkan), University of Edinburgh.

Nasif, Rencana: Jejak ulamak, *Harian Metro*, 7 Jun 2016, 33.

*Sejarah Negeri Selangor*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor 2005, hlm.240.

Siti Hawa Haji Salleh (1997), *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Temubual bersama Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelang, cicit kepada Kiyai Muhammad Ali Qaribun di Maahad Tahfiz Ghazali Siraj, Klang pada 26hb Setember 2015.

Temubual bersama Tuan Haji Sani bin Haji Muhammad Amir, di rumahnya di Sijangkang pada 20hb Mei 2007. Beliau merupakan cucu kepada Kiyai Muhammad Ali bin Qaribun.

Temubual bersama Ustaz Benu, murid Kiyai Haji Muhammad Ali pada 14hb April 2007.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2008), "Ulama Nusantara: Kiyai Khalil Abu Ammar Pakar Ilmu Arabiah di Selangor", dikemaskini 17 Disember 2008, dicapai 18 Januari 2014, <http://ulama-nusantara.blogspot.com/2008/12/kiai-khalil-abu-ammam-pakar-ilmu.html>.

Yegar, M. (2002), *Between Integration and Secession the Muslim Communities of The Southern Philippines, Southern Thailand and Western Burma*, Lanham, Maryland USA: Lexington Books.